

## PENTING/PENAFIAN

**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

### HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK ([English Version](#))

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Pastikan anda turut membaca terma-terma dan syarat-syarat umum (T&S).

Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. T&S dinyatakan di dalam PDS ini adalah bersifat tentatif/jangkaan dan boleh berubah pada bila-bila masa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun Pelaburan (IAH).

**NAMA PRODUK:  
AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i)  
PROMOSI TIA-i**

*(Bermula pada 5 November 2024 – 9 Disember 2024)*

**PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH Perbadanan Insurans  
Deposit Malaysia (PIDM)**

## MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

### 1. Apakah produk Ini?

<b>Kontrak Syariah yang Digunakan</b>	TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak <i>Mudarahah</i> .
<b>Jenis Produk</b>	Produk ini diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana Pelabur, yang juga dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH"), membenarkan Hong Leong Islamic Bank ("HLISB" atau "Bank") membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa meletak sebarang sekatan dan/atau syarat khusus.
<b>Pihak yang Terlibat</b>	Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH (sebagai pengeluar modal) dan Bank (sebagai pengusaha). Bank sebagai pengurus dana akan melabur bagi pihak IAH. Di bawah produk ini, IAH tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.

## KESESUAIAN PRODUK

### 2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

<b>Jenis Pelanggan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Individu;</li> <li>ii. Perniagaan Tunggal. (yang mempunyai akaun CASA/CASA-i individu)</li> </ul>
<b>Objektif Pelaburan</b>	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang tempoh pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah.

**CIRI-CIRI UTAMA PRODUK**
**3. Apakah pelaburan yang IAH laburkan?**

<b>Strategi Pelaburan</b>	Dana akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang berkualiti dan terpilih iaitu Pembiayaan Hartanah-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Berjangka-i di HLISB.
<b>Jumlah Minimum Pelaburan</b>	RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu)
<b>Tempoh Pelaburan</b>	Tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan
<b>Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebarang keuntungan yang didapati daripada TIA-i akan dikongsi bersama antara IAH dan Bank berdasarkan PSR yang telah dipersetujui bersama sebanyak 85:15 tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan di bawah kontrak <i>Mudarabah</i>.</li> <li>PSR juga boleh berubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat, Bank akan memaklumkan kepada IAH tentang perubahan tersebut melalui saluran komunikasi biasa Bank.</li> <li>Sekiranya lebih keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan indikatif, IAH bersetuju untuk melepaskan lebih keuntungan di bawah konsep Syariah <i>Tanazul</i>. Lebih keuntungan akan dimiliki oleh Bank. <i>Tanazul</i> merujuk kepada pelepasan hak untuk menuntut apa yang sepatutnya ditetapkan (dalam konteks ini adalah lebih keuntungan melebihi kadar keuntungan indikatif).</li> <li>Di bawah kontrak <i>Mudarabah</i>, keuntungan akan dikongsi antara IAH dan Bank mengikut PSR yang telah dipersetujui bersama. Kerugian dalam bentuk kewangan pula akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH manakala pihak Bank sebagai Pengurus Dana (Pengusaha) akan mengalami kerugian dari segi masa dan usaha sepanjang pelaburan dijalankan dan bukan dalam bentuk kewangan. Bank akan menanggung kerugian kewangan jika ia disebabkan oleh salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank.</li> </ul>
<b>Kaedah Pembayaran Keuntungan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada penghujung tempoh pelaburan.</li> <li>Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i (CASA-i) Hong Leong Islamic Berhad (HLISB) and Akaun Semasa/Akaun Simpanan (CASA) Hong Leong Bank (HLBB) berdasarkan PSR yang dipersetujui.</li> </ul>
<b>Fi dan Caj</b>	Tiada

<b>Pelaburan Semula / Pembaharuan Secara Automatik</b>	<b>Pilihan Pembaharuan</b>	
	Pembaharuan Secara Automatik	Prinsipal Sahaja Hanya jumlah prinsipal yang akan diperbaharui; Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA- i/CASA IAH
	Pembaharuan Secara Automatik	Prinsipal dan Keuntungan Kedua-dua prinsipal dan keuntungan akan diperbaharui
	Tanpa Pembaharuan Secara Automatik	Prinsipal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i/CASA IAH
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembaharuan secara automatik tidak diambil kira sebagai transaksi aktif. Wang yang disimpan dalam akaun pelaburan yang diperbaharui secara automatik akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) selepas 7 tahun pembaharuan automatik.</li> <li>2. Jika pelaburan dalam TIA-i diperbaharui secara automatik, kadar keuntungan indikatif semasa pembaharuan automatik akan mengguna pakai kadar niaga indikatif HLISB yang sedia ada pada masa pembaharuan.</li> </ol>		

**Contoh Pengiraan Keuntungan**

Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah.  
(Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)

<b>Tarikh Pelaburan</b>	<b>5 Nov 2024</b>	<b>PSR</b>	<b>IAH : Bank 85:15</b>
<b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b>	<b>RM 50,000</b>	<b>Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH</b>	<b>3.65% setahun*</b>
<b>Tarikh Matang</b>	<b>5 Feb 2025</b>	<b>Tempoh Pelaburan</b>	<b>3 bulan</b>

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH = PSR x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada IAH x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada IAH =  $RM\ 50,000 \times 3.65\% \times 92/365 =$   
**RM460.00**

\* Sekiranya terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan baru (selepas perubahan OPR) mungkin akan ditukar

<b>Tarikh Pelaburan</b>	<b>5 Nov 2024</b>	<b>PSR</b>	<b>IAH : Bank 85:15</b>
<b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b>	<b>RM 50,000</b>	<b>Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH</b>	<b>3.75% setahun*</b>
<b>Tarikh Matang</b>	<b>5 Mei 2025</b>	<b>Tempoh Pelaburan</b>	<b>6 bulan</b>

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH = PSR x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada IAH x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada IAH =  $RM\ 50,000 \times 3.75\% \times 181/365 =$   
**RM929.79**

\* Sekiranya terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan baru (selepas perubahan OPR) mungkin akan ditukar

<b>Tarikh Pelaburan</b>	<b>5 Nov 2024</b>	<b>PSR</b>	<b>IAH : Bank 85:15</b>
<b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b>	<b>RM 50,000</b>	<b>Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH</b>	<b>3.70% setahun*</b>
<b>Tarikh Matang</b>	<b>5 Nov 2025</b>	<b>Tempoh Pelaburan</b>	<b>12 bulan</b>

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada IAH = PSR x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada IAH x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada IAH = RM 50,000 x 3.70%\* x 365/365 =  
**RM 1,850.00**

\* Sekiranya terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan baru (selepas perubahan OPR) mungkin akan ditukar

<b>Pengeluaran Sebahagian &amp; Pramatang</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan (iaitu pengeluaran sebahagian daripada pelaburan adalah tidak dibenarkan).</li> <li>2. Pengeluaran sebelum tarikh matang hanya dibenarkan dengan syarat berikut; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada keuntungan akan dibayar sekiranya TIA-i tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan.</li> </ul> </li> </ol>
<b>Pembukaan Akaun</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk pemegang akaun CASA-i/CASA sedia ada, langganan TIA-i boleh dibuat melalui HLB Connect dan Platform In-Branch di mana-mana cawangan</li> <li>2. Jika tiada CASA-i/CASA, IAH dikehendaki membuka CASA-i/CASA di mana-mana kaunter cawangan HLISB/HLBB atau secara dalam talian melalui Apply@HLB.</li> </ol>
<b>Pengeluaran TIA-i</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui HLB Connect dan/atau Platform In-Branch.</li> <li>2. Jumlah pengeluaran tersebut akan dikreditkan serta-merta ke dalam CASA-i/CASA IAH.</li> <li>3. Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran di bawah mana-mana keadaan yang tertentu (cth., pelanggaran kontrak, kegagalan pasaran secara menyeluruh, dsb.) dan/atau bertindak untuk menjaga kepentingan IAH.</li> </ol>
<b>Perlindungan PIDM</b>	Produk ini <b><u>TIDAK</u></b> dilindungi oleh PIDM.


#### 4. Apakah hasil yang mungkin diperoleh daripada pelaburan IAH?

1. IAH berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka/tetap, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
2. Namun, modal dan pulangan pelaburan **TIDAK** dijamin sekiranya TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi seperti yang dijangkakan.

- **Sejarah Prestasi Dana**

### Akaun Pelaburan Berjangka-i

Laporan Prestasi Dana Runcit bagi Suku Berakhir 30 September 2023



Graf menunjukkan Pulangan Kasar sebelum PSR untuk Akaun Pelaburan Berjangka-i dari **Mac 2019 sehingga September 2023**. Pulangan Kasar ialah jumlah pulangan yang diperoleh daripada pelaburan dalam aset pembiayaan sebelum pengagihan keuntungan antara pihak Pelabur dan Bank.

Untuk laporan lanjut mengenai prestasi dana TIA-i, anda boleh merujuk kepada Laporan Prestasi Dana (Runcit) untuk Suku Tahunan TIA-i yang diterbitkan di [sini](#).

**Penafian: Graf di atas menunjukkan sejarah pulangan kasar dana dari Mac 2019 sehingga September 2023 dan BUKAN gambaran sebenar prestasi akan datang.**

- **Jangkaan Keuntungan & Kerugian (Bagi Pelaburan sebanyak RM 50,000)**

Simulasi Pasaran Terbaik		Simulasi Pasaran Terburuk		Simulasi Pasaran Asas	
<b>Tarikh</b>	<b>Mac 2019</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Mac 2022</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Mac 2023</b>
<b>OPR</b>	3.25%	<b>OPR</b>	1.75%	<b>OPR</b>	2.75%
<b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan</b>	*3.25%	<b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan</b>	*1.75%	<b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan</b>	*2.75%
* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi		* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi		* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi	

Nota:

Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan data 10 tahun lepas daripada BNM iaitu tahap tertinggi (Mac 2019) dan terendah (Mac 2022) Overnight Policy Rate (OPR), yang diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan melalui pemindahan penuh kenaikan/penurunan OPR kepada pulangan portfolio, dengan mengandaikan semua faktor lain kekal sama.

Laporan prestasi Dana akan disediakan melalui laman sesawang.

## PENILAIAN

Bank akan melakukan penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan amalan industri terbaik dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") secara bulanan.

**RISIKO UTAMA**
**5. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

<b>(a) Risiko Kehilangan Modal</b>	Produk ini berisiko kehilangan jumlah pelaburan asal (modal) secara penuh. Bagi mengawal risiko ini, pihak Bank akan melaburkan dana dalam pelbagai portfolio aset pembiayaan Bank yang berisiko rendah. Pihak Bank juga akan menggunakan teknik pengurusan pelaburan yang baik. Pihak Bank akan melaksanakan pengimbangan semula portfolio untuk memastikan aset-aset yang tidak lagi menepati strategi dan objektif dana akan diimbangi semula. Pengimbangan semula portfolio merupakan proses penyemakan pecahan kelas aset dalam portfolio untuk mengekalkan tahap risiko pelaburan yang diinginkan.
<b>(b) Risiko Pasaran</b>	Risiko pasaran ialah risiko IAH berkemungkinan untuk mengalami kerugian berpunca daripada faktor-faktor yang menjejaskan pasaran kewangan secara menyeluruh. Hal ini mungkin akan mempengaruhi prestasi aset-aset pendasar utama secara langsung mahupun tidak langsung. Pihak Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Hal ini membolehkan pihak Bank untuk mengurus kedudukan dana dengan efektif dalam lingkungan rangka kerja risiko yang telah diluluskan
<b>(c) Risiko Kecairan</b>	Risiko kecairan ialah risiko pihak Bank tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada IAH. Berdasarkan rekod aktiviti pengeluaran IAH yang terdahulu, pihak Bank akan menjalankan ujian tekanan dan membangunkan kaedah bagi mengurus risiko kecairan. Ujian tekanan ('stress testing') ialah teknik yang digunakan untuk menguji keupayaan sesuatu pelaburan untuk menghadapi pelbagai situasi kewangan pada masa hadapan. Sebarang ketidakpadanan jumlah aliran wang keluar dan jumlah aliran wang masuk daripada portfolio akan dianalisis dan dipantau di bawah peruntukan rangka kerja kecairan yang disyorkan oleh BNM. Kerugian yang berpotensi untuk dialami bagi IAH disebabkan risiko kecairan adalah kemungkinan mendapat pulangan yang lebih rendah dan kehilangan modal.
<b>(d) Risiko Kredit</b>	Risiko ini mungkin timbul apabila sebahagian besar daripada jumlah aset dana mengalami kegagalan pembiayaan. Hal ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pemilihan pelbagai portfolio aset yang layak dengang teliti dan pemantauan rapi prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan mematuhi strategi dan objektif dana.
<b>(e) Risiko Keputusan Pelaburan</b>	Risiko ini terjadi sekiranya pergerakan pasaran tidak sejajar dengan peruntukan aset-aset yang dilaburkan. Oleh itu, pemilihan secara berhati-hati dan pengurusan pentadbiran yang ketat akan dilaksanakan oleh pihak Bank dalam proses mencapai keputusan pelaburan.
<b>(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan</b>	Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pelaksanaan polisi dan prosedur Bank secara keseluruhan.
<b>(g) Risiko Tidak Patuh Syariah</b>	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau majlis pengawal selia yang berkenaan. Pihak Bank akan memantau, dengan bimbingan Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
<b>(h) Risiko Negara</b>	Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
<b>(i) Risiko Industri / Sektor</b>	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko-risiko tersebut.

**'Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan'**



**MAKLUMAT HUBUNGAN**
**6. Apakah yang perlu IAH lakukan jika IAH mahu menukar butiran hubungan IAH?**

Adalah penting untuk IAH memaklumkan kepada Bank sebarang perubahan maklumat hubungan IAH untuk memastikan segala komunikasi daripada Bank sampai tepat pada masanya. IAH boleh mengemaskini butiran hubungan melalui HLB Connect atau di mana-mana cawangan HLISB/HLBB

**7. Siapakah yang patut IAH hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?**

- 1. Jika IAH mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau komen: - Sila hubungi, tulis, e-mel atau faks kami di:**  
**Customer Advocacy**  
 Hong Leong Islamic Bank Berhad,  
 13A Floor, Menara Hong Leong,  
 No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,  
 50490 Kuala Lumpur.  
**Telefon:** 03-7626 8899 **Fax:** 03-7946 8888 **E-mel:** [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)
  
- 2. Jika soalan atau aduan IAH tidak diselesaikan sepenuhnya oleh Bank, IAH boleh menghubungi:**  
**BNMLINK**  
 4<sup>th</sup> floor, Podium Bangunan AICB  
 No 10, Jalan Dato' Onn,  
 50480 Kuala Lumpur.  
**Web:** [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my) **Telefon:** 1-300-88-5465 atau 03-2174-1717 (luar negara)

**8. Bagaimanakah cara untuk IAH melanggan TIA-i melalui HLB Connect?**

**Ikut langkah-langkah ini untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i**



1 Log masuk ke [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)



2 Klik 'Apply' > 'Investment Account-i' > 'Create Account/New Subscription'



3 Lengkapkan bahagian 'Suitability Assessment' untuk menilai profil risiko anda



4 Pilih 'Term Investment Account-i' dan klik 'Subscribe'



5 Pilih 'Yes' daripada menu drop-down > masukkan butiran langganan dan klik 'Next'



6 Masukkan TAC dan klik 'Submit'. Simpan resit untuk rujukan.

**PERINGATAN**

**PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN INI DIKELUARKAN AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH MODAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).**

*Maklumat di dalam helaian pendedahan ini dikemaskini pada 25 Okt 2024*